



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

YB DATUK SERI DR. NORAINI BINTI AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA

PROGRAM SKUAD WAJA SISWA PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN

LOKASI / TARIKH / MASA

DEWAN TAN SRI AINUDDIN WAHID, UTM KUALA LUMPUR
18 September 2025 (Khamis) 10.30 | PAGI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera,
Salam Malaysia MADANI,
Terima kasih kepada pengacara majlis**

SALUTASI

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada hari yang penuh bermakna dalam **Program Skuad Waja Siswa Tahun 2025** anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

2. **Tahniah diucapkan kepada JPW melalui Pejabat Pembangunan Wanita (PPWN) Wilayah Persekutuan** selaku penganjur program dengan **kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selaku tuan rumah.**
3. Saya juga amat menghargai kehadiran **YBrs. Professor Dr. Shamsul bin Sahibuddin, Ketua Kampus Cawangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)** bersama-sama kita pada hari ini.
4. dan juga terima kasih kepada lebih kurang **350 orang peserta** yang hadir memberi sokongan kepada program kita pada hari ini.

5. Pada hemat saya, komitmen seperti inilah yang perlu ditunjukkan dalam usaha untuk menyokong **kempen menangani keganasan terhadap wanita terutamanya dalam kalangan para siswa dan siswi khususnya.**

(B) KEGANASAN TERHADAP WANITA DALAM KALANGAN SISWA

Hadirin yang saya muliakan,

6. Keganasan terhadap wanita berlaku dalam pelbagai bentuk – fizikal, seksual, ekonomi, psikologi, dan emosi – dan sering berlaku secara tersembunyi sama ada dalam hubungan peribadi dan institusi.
7. Bagi menangani gangguan seksual, kerajaan telah **menggubal Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840)** yang mula dikuatkuasakan secara berperingkat sejak Mac 2023,

8. serta **menubuhkan Tribunal Anti-Gangguan Seksual (TAGS)** untuk mewujudkan persekitaran selamat dan menghapuskan budaya menormalisasi gangguan seksual dalam kalangan masyarakat.
9. Tribunal Anti-Gangguan Seksual (TAGS) berfungsi sebagai saluran alternatif kepada mahkamah sivil untuk mendengar dan memutuskan aduan gangguan seksual **secara cepat, mudah dan kos berpatutan.**

10. Ia membolehkan mangsa mengambil tindakan terhadap pelaku bagi menuntut pampasan atau remedi atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami akibat gangguan tersebut.
11. Berdasarkan **statistik, antara tahun 2020 hingga 2024, sebanyak 9,737 kes kehamilan luar nikah melibatkan remaja perempuan berumur 10 hingga 19 tahun direkodkan oleh KKM, mewakili 0.33% daripada 2.89 juta remaja perempuan di Malaysia. Dalam tempoh yang sama, 1,091 pelajar IPT dijangkiti HIV, termasuk 222 kes pada tahun 2024 bagi usia 18 hingga 19 tahun.**

12. Manakala bagi tempoh Januari hingga April 2025, **PDRM melaporkan 1,300 kes jenayah seksual melibatkan individu berumur 18 tahun ke atas, termasuk rogol, sumbang mahram, cabul kehormatan dan gangguan seksual.**
13. Statistik ini menimbulkan kebimbangan mengenai kesihatan awam dan nilai moral dalam kalangan generasi muda. Ia menekankan keperluan untuk pendidikan kesihatan seksual yang berkesan serta tindakan pencegahan yang perlu diambil bagi membendung gejala ini.

14. Justeru, pelaksanaan Program Skwad Waja Siswa ini dilihat sangat bertepatan. **Modul Skwad Waja (Wanita Anti Jenayah)** yang telah dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) memfokuskan kepada penyampaian ilmu dan kemahiran asas psikologi serta slot informasi jenayah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai isu-isu keganasan khususnya terhadap wanita.

15. Manakala, **Modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI)** yang dibangunkan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) merangkumi topik seperti **nilai dan tanggungjawab seksual**, serta **tingkah laku berisiko kehamilan**, yang bertujuan memberi **pengetahuan baharu dan kesedaran** kepada golongan **siswa** mengenai **kesihatan reproduktif dan seksualiti**.

(C) RELEVANSI PENUBUHAN SKUAD WAJA

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. **Skuad Waja** ialah program sukarelawan yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat untuk membanteras keganasan terhadap wanita. **Sehingga Ogos 2025, program ini melibatkan 339,198 ahli di seluruh negara, terdiri daripada 263,158 wanita dan 76,040 lelaki.**

17. Melihat kepada peningkatan kes jenayah dalam kalangan pelajar IPT, pada tahun 2025 **keahlian Skuad Waja dalam kalangan siswa di IPT diperluaskan** bagi menyantuni golongan belia dan memberi kesedaran serta pengetahuan berkaitan jenayah yang sering berlaku terutamanya kepada wanita yang dikenali sebagai **Skuad Waja Siswa**.
18. Sehingga kini, keahlian **Skuad Waja dari kalangan siswa adalah seramai 2,129** orang dari seluruh negara.

19. Untuk makluman mahasiswa dan mahasiswi yang hadir pada hari ini. **Objektif pelaksanaan Program Skuad Waja Siswa** ini bertujuan untuk:
- i) Memberi pendedahan dan pemahaman kepada golongan belia terutamanya siswa tentang peri pentingnya pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial kepada remaja;
 - ii) Menyebar luas peranan dan perkhidmatan Skuad Waja kepada komuniti terutamanya golongan siswa; dan
 - iii) Menyantuni dan melatih siswa untuk menangani gejala sosial dan jenayah yang sering berlaku di IPT melalui program Skuad Waja.

20. **Program Skuad Waja Siswa ini dilaksanakan** sebagai platform strategik bagi penyampaian ilmu berkaitan jenayah dan maklumat kesihatan reproduktif seksualiti yang lebih tepat dan berkesan kepada golongan siswa. Kita bukan sahaja mahu melahirkan siswa yang bijak intelektual, malah bijak dan berani mengambil tindakan yang sewajarnya.

21. Justeru, KPWKM yakin **Program Skuad Waja Siswa ini** mampu memberi keyakinan, keberanian dan kesedaran kepada siswa untuk bersuara. Ia juga diharap dapat menyediakan ruang sokongan dan pemulihan yang selamat supaya isu ini dapat ditangani secara menyeluruh.
22. Disamping itu, saya juga berharap agar mereka yang berada dalam program ini juga mampu dan boleh untuk membantu rakan-rakan lain yang sedang mengalami atau berisiko untuk mengalami gangguan seksual.

23. Sesungguhnya, masa depan anda semua adalah berharga demi menjamin generasi kepemimpinan masa hadapan negara terus dipelihara dan dapat hidup dengan aman dan sejahtera.

(D) PENUTUP

24. Sebelum saya mengakhiri ucapan, ingin saya menegaskan bahawa **komitmen KPWKM untuk menangani isu-isu yang melibatkan keganasan dan jenayah dalam kalangan belia dan siswa adalah jelas dan tidak berbelah bahagi.**

25. Kita akan terus melaksanakan program berbentuk pencegahan, advokasi dan pemulihan, agar tiada siapa pun tercicir daripada sistem sokongan yang wujud.
26. Marilah sekali lagi, kita bersama-sama mendokong usaha menangani keganasan dan melindungi para siswa daripada segala bentuk keganasan dan penganiayaan.
27. Akhir kalam, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacitanya saya merasmikan **Program Skuad Waja Siswa Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2025.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi
Wabarakatuh.

YB Datuk Sri Dr. Noraini binti Ahmad
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan
Masyarakat
18 September 2025